

15/10/2000

Malaysia kutuk kekejaman Yahudi

Zainudin Isa; Ridzuan Yop; Norfatimah Ahmad

KUALA LUMPUR: Sambil mengutuk keras tindakan biadap tentera Israel terhadap penduduk Palestin, Malaysia menetapkan pendirian supaya proses perdamaian di antara kedua-dua negara diteruskan dan pembunuhan dapat dihentikan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, bagaimanapun daripada tindakan Israel yang terbaru, jelas menunjukkan negara itu langsung tidak mahu berdamai.

"Dia (Israel) mahu semua yang dituntut mesti diberikan. Sampaikan masa perdamaian pun dia masih buat rumah lagi," katanya selepas merasmikan Perhimpunan Agung Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP), di sini semalam.

Perdana Menteri ditanya mengenai perkembangan terkini serangan tentera Israel dengan rakyat Palestin di Semenanjung Gaza. Kelmarin, laporan menyebut Israel dan Palestin berbalas tembak di pekan Ramallah, dekat Tebing Barat.

Sejak dua minggu lalu, lebih 90 orang, kebanyakannya rakyat Palestin dilaporkan terkorban.

Dr Mahathir berkata, Israel masih menunjukkan kekejamannya dengan membunuh sewenang-wenangnya dan menghancurkan harta benda penduduk Palestin.

"Kita masih mahu pembunuhan ini diberhentikan. Mereka mahu menunjukkan kalau anda bunuh 10 orang, kita pula bunuh 100 orang anda," katanya.

Di GEORGETOWN, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata rejim Israel perlu segera menghentikan keganasan di wilayah Palestin jika mahu melihat rundingan damai Asia Barat, dicapai.

Menurutnya, kejadian yang berlaku di wilayah itu amat menyedihkan apatah lagi dengan tindakan keganasan yang dilakukan terhadap pejuang Palestin adalah sesuatu yang amat kejam.

"Keganasan yang dilakukan Israel itu adalah sesuatu yang dipandang oleh dunia, khususnya dunia Islam dan tindakan ganas ini perlu dihentikan segera sekiranya hubungan untuk kedamaian mahu mencapai kejayaan," katanya selepas merasmikan Konvensyen Umno Pulau Pinang 2000, di Dewan Sri Pinan, semalam.

"Sebenarnya tindakan Israel itu telah merosakkan usaha untuk berdamai," katanya sambil menyatakan Malaysia sentiasa menyertai perjuangan rakyat Palestin.

Sementara itu, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata Malaysia mengutuk keras serangan yang sengaja dilakukan Israel terhadap penduduk Palestin.

Beliau berkata tindakan kekerasan Israel itu terang-terang menunjukkan keangkuhan dan tidak hormat kepada proses keamanan yang mahu disaksikan oleh masyarakat antarabangsa di rantau itu.

"Kami menggesa Israel menghentikan serta merta serangan kejam terhadap rakyat Palestin yang tidak bersalah," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di Islamabad, Pakistan, tempat beliau sedang menghadiri mesyuarat Suruhanjaya Bersama Peringkat Menteri Pakistan-Malaysia.

Kenyataan itu difaks kepada Bernama oleh Kementerian Luar, di Kuala Lumpur, semalam.

Di Kuala Terengganu, umat Islam di seluruh negara digesa mengadakan solat hajat bagi memohon kesejahteraan ke atas rakyat Palestin yang menjadi sasaran serangan ganas tentera Israel.

Setiausaha Agung Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Syed Anuar Syed Mohamad berkata tindakan kejam Israel terhadap rakyat Palestin adalah mencabar kewibawaan negara berkenaan serta umat Islam di seluruh dunia.

Sambil mengutuk serangan itu, beliau berkata solat hajat itu juga bagi memohon supaya melindungi umat Islam yang tidak berdosa dan menjadi mangsa keganasan tentera Israel.

"GPMS mengutuk sekeras-kerasnya tindakan Israel yang tidak menghiraukan pandangan dunia supaya segera menghentikan keganasan ke atas rakyat Palestin yang tidak berdosa itu," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Syed Anuar berkata, apa yang berlaku di Palestin bukanlah soal agama semata-mata, sebaliknya ia lebih kepada soal kemanusiaan yang sepatutnya mendapat perhatian semua pihak.

Beliau meminta semua pihak di negara ini tanpa mengira agama menyatakan pendirian mengenai konflik yang berlaku di bumi Palestin sebagai tanda simpati terhadap nasib rakyat negara berkenaan.

Dalam pada itu beliau meminta Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) supaya tidak berlembut dalam menangani krisis berkenaan dengan mengadakan sidang tergepang bagi membincangkan tindakan untuk menamatkan kekejaman tentera Israel.

Beliau berkata GPMS kesal dengan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang dilihat begitu lembap bertindak bagi menamatkan segera krisis di Palestin walaupun apa yang dilakukan Israel jelas mencabuli hak asasi manusia sejagat.

(END)